

# Tokoh Wanita Kelantan: Resepi kejayaan Dr Hafidzah Mustakim.

Nurulannisa Abdullah<sup>1</sup> \*, Noor Rahmawati Alias<sup>2</sup>, Nur Aqilah Bt Azman<sup>3</sup> dan Nur Alyaa Nazhirah Bt Zawawi<sup>4</sup>

<sup>1</sup> UiTM Cawangan Kelantan; annisa@uitm.edu.my;  ORCID ID 0000-0002-5294-9125

<sup>2</sup> UiTM Cawangan Kelantan; rahmawati@uitm.edu.my;  ORCID ID 0000-0001-5788-4343

<sup>3</sup> UiTM Cawangan Kelantan; aqilahazman668@gmail.com;

<sup>2</sup> UiTM Cawangan Kelantan; alyaaazawawi98@gmail.com;

\* Correspondence: annisa@uitm.edu.my; +60193633936.

**Abstrak:** Doktor Hafidzah Mustakim adalah seorang doktor perubatan yang cintakan ilmu pengetahuan dan beliau menguasai pelbagai bidang ilmu bagi mempersiapkan diri untuk menabur bakti kepada keluarga, agama dan masyarakat. Selain daripada ilmu perubatan yang merupakan asas kepada bidang kerjaya beliau sekarang, beliau juga mendalami ilmu berkaitan pengurusan dan juga ilmu syariah Islam. Tujuan penyelidikan ini dilaksanakan adalah untuk mengetahui pengalaman dan perjuangan tentang seorang doktor perubatan yang mendapat anugerah sebagai Tokoh Wanita Kelantan 2015. Kaedah kajian dijalankan dengan secara temu ramah dan pengumpulan data. Penyelidikan ini dilakukan dengan mengadakan temu ramah bersama tokoh melalui aplikasi Zoom. Sebanyak lebih 100 soalan dikemukakan, yang terdiri daripada latar belakang, sejarah pendidikan, kerjaya, dan pencapaian tokoh. Dr. Hafidzah merupakan calon yang sempurna untuk ditemuramah dan beliau juga memenuhi kriteria yang diinginkan dan beliau juga sangat aktif menyumbang kepada masyarakat dan terlibat dalam pelbagai program kemasyarakatan. Beliau juga seorang yang sangat disegani oleh ramai orang dan mempunyai profil peribadi dan kerjaya yang tinggi.

*Kata kunci:* Dr Hafidzah Mustakim, tokoh wanita, kelantan, kepimpinan, aktivis masyarakat.



**Copyright:** © 2022 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

---

## 1. PENGENALAN

Doktor Hafidzah Mustakim merupakan seorang doktor perubatan yang sentiasa mengambil berat perkembangan sosial di kalangan masyarakat setempat. Beliau merupakan aktivis masyarakat yang cintakan ilmu pengetahuan terutamanya berkaitan dengan perubatan dan pengurusan, serta ilmu syariah Islam. Beliau berpendapat bahawa wanita yang dilengkapi dengan pelbagai ilmu pengetahuan akan menjadikan mereka insan yang baik dan taat seterusnya mampu membentuk sebuah masyarakat yang moden tetapi bersyariah. Justeru, kaum wanita yang berilmu pengetahuan merupakan pemangkin bagi pembangunan keluarga dan masyarakat. Mereka mampu untuk memikul tanggungjawab yang diberikan dengan memberikan sumbangan tenaga dalam membentuk sebuah masyarakat yang bukan sahaja berketrampilan tapi juga membentuk sebuah masyarakat yang tidak ekstrem dalam arus pemodenan terkini dalam negara Malaysia tercinta.

Doktor Hafidzah juga percaya bahawa wanita mampu memperjuangkan imej kaum wanita pada pandangan masyarakat dunia dan perlu memastikan agar mereka tidak dieksploitasi dengan mudah terutamanya dalam keadaan pembangunan negara dan modenisasi yang tidak seimbang dengan kefahaman syariah atau beragama. Kaum wanita berkemampuan untuk memberi dorongan kepada orang ramai dengan mengadakan program-program motivasi, persidangan dan aktiviti kemasyarakatan bukan sahaja di peringkat kebangsaan malah di peringkat antarabangsa. Melalui program-program seperti ini, kaum wanita telah berjaya mengumpulkan pelbagai bentuk pemikiran, merumuskannya dan menjadikannya sebagai resolusi yang mereka mampu ketengahkan dalam sesuatu isu terutamanya yang membabitkan pembangunan negara.

Kajian ini mengandungi maklumat berkaitan Dr Hafidzah yang merupakan aktivis masyarakat yang pernah dinobatkan sebagai Tokoh Wanita Saidatina Zainab binti Khuzaimah (gelaran bagi tokoh wanita kelantan 2015). Kajian ini didokumentasikan dan dibahagikan kepada lapan bahagian utama iaitu pengenalan, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan dan sumbangan kajian, tinjauan literatur, metodologi kajian, hasil kajian, dan kesimpulan.



Gambar 1: Dr Hafidzah Mustakim

## 2. PERMASALAHAN KAJIAN

Pengkaji mendapati bahawa sumber maklumat berkaitan tokoh tempatan yang didokumentasikan dalam bentuk penulisan ilmiah yang lengkap dan sahih adalah agak sukar untuk didapati. Sejarah lisan boleh membantu usaha sesebuah kerajaan untuk memastikan sejarah serta penglibatan dan sumbangan tokoh-tokoh dalam pelbagai bidang dalam negara tidak hilang dan dilupakan begitu sahaja disebabkan tiada proses pendokumentasian yang tersusun dan seterusnya dipelihara bagi manfaat generasi akan datang.

Justeru itu, pengkaji telah mengambil inisiatif untuk menggunakan sumber maklumat primer yang diambil secara langsung daripada tokoh yang terpilih untuk didokumentasikan dalam bentuk penulisan ilmiah. Usaha yang kecil ini diharapkan dapat membantu memelihara kelangsungan maklumat berkaitan tokoh-tokoh dalam negara agar boleh dijadikan salah satu sumber rujukan atau bahan sejarah yang relevan kepada pengkaji sejarah atau rakyat Malaysia di masa akan datang.

## 3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi memenuhi beberapa objektif seperti berikut:

- 3.1 Mengetahui latar belakang peribadi dan pendidikan tokoh.
- 3.2 Mengetahui pengalaman tokoh sebagai pengamal perubahan.
- 3.3 Mengetahui sumbangan tokoh dalam aktiviti kemasyarakatan.

#### 4. PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian ini memberi fokus kepada penglibatan Doktor Hafidzah Mustakim, Tokoh Wanita Kelantan 2015. Persoalan kajian ini berkaitan:

- 4.1 Siapakah Dr Hafidzah yang dikenali sebagai Tokoh Wanita Kelantan 2015?
- 4.2 Apakah pengalaman Dr Hafidzah sebagai pengamal perubatan?
- 4.3 Apakah sumbangan Dr Hafidzah sebagai aktivis masyarakat di dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan sehingga di iktiraf sebagai Tokoh Wanita Kelantan 2015?

#### 5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

##### 5.1 Membawa Kepada Sumber Sejarah

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan sejarah lisan bagi mengkaji latar belakang serta peranan dan sumbangan tokoh dapat membantu menggambarkan kisah-kisah dahulu. Sejarah lisan dapat menggambarkan masa lalu yang lebih lengkap dan tepat dengan menambah maklumat yang diberikan oleh rekod awam, data statistik, gambar, peta, surat, buku harian, dan bahan sejarah lain. Saksi mata terhadap sesuatu peristiwa boleh menyumbang pelbagai sudut pandangan dan perspektif yang mengisi jurang dalam sejarah yang pernah didokumentasikan, malah kadang kala membetulkan atau bercanggah dengan catatan bertulis sedia ada. Pewawancara dapat mengemukakan soalan yang tersisa daripada catatan lain dan dengan itu mampu mendokumentasikan maklumat yang mungkin tertinggal tidak dapat dilupakan atau dilupakan. Kadang kala, temu ramah boleh menjadi satu-satunya sumber maklumat yang tersedia mengenai tempat, acara, atau orang tertentu.

##### 5.2 Kepentingan Peranan Wanita dalam Masyarakat

Perkongsian kisah hidup seorang yang hebat dan mempunyai begitu banyak pencapaian dalam hidup akan dapat memberi inspirasi dan dorongan kepada masyarakat untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan. Wanita di luar sana yang masih ragu-ragu akan kebolehan masing-masing dan merasakan kemampuan mereka lebih rendah berbanding lelaki. Wanita harus sedar bahawa mereka dapat mencapai segala impian mereka apabila mereka mempunyai semangat yang tinggi dan azam untuk mencapainya. Menurut Dr Hafidzah, tidak ada siapa yang dapat mengubah diri kita dan kehidupan kita melainkan diri kita sendiri. Oleh itu, konsisten amatlah penting kerana Dr Hafidzah memaklumkan bahawa beliau mempunyai impian untuk menjadi seorang doktor sejak kecil dan dengan azam dan semangat beliau, beliau telah berjaya mencapai impian tersebut sekaligus mempunyai klinik tersendiri.

##### 5.3 Memajukan Penulisan Sejarah

Sejarah lisan membantu dalam menceritakan peristiwa atau kisah individu yang memberi pelbagai sumbangan kepada masyarakat. Mereka mempunyai individu yang perlu dikenang dan dihargai supaya generasi yang akan datang tidak akan pernah lupa. Serta mereka juga akan menjadi inspirasi dan idola kepada orang muda kini untuk sentiasa berkhidmat kepada masyarakat dan juga negara. Melalui kajian ini, penyelidik akan mendapat beberapa manfaat seperti memperoleh sumber utama maklumat dan menjadi saksi penceritaan tokoh tersebut. Sejarah lisan boleh memainkan peranan yang amat penting dalam menambahbaikkan sumber sejarah yang ada pada zaman sekarang dan seterusnya membantu para sejarawan menghasilkan penulisan sejarah yang meliputi pelbagai bidang, yang bukannya menumpukan kepada hanya satu bidang sahaja.

## 6. TINJAUAN LITERATUR

Sejarah lisan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu sejarah lisan dan tradisi lisan. Sejarah lisan adalah rekoleksi (memori) daripada mereka yang ditemu ramah olehsejarawan. Mereka adalah individu atau kumpulan yang terlibat, melihat atau mengambil bahagian dalam peristiwa tersebut. Tradisi lisan merupakan cerita atau naratif mengenai masyarakat, peristiwa dan lain-lain mengenai masa lalu yang disampaikan secara turun-temurun yang biasanya melibatkan beberapa generasi. Menurut Profesor. Dr. Sugeng Priyadi, M. Hum. Yogyakarta: Ombak, 2017, Perbahasan berkenaan sejarah lisan dalam penulisan sejarah juga dilakukan secara kritis dengan mengangkat kepentingan menggabungkan sumber dokumen dan sejarah lisan kerana disedari kedua-dua sumber tersebut mempunyai kekuatan dan kekurangan tersendiri. Tanpa penelitian yang baik, sudah pasti projek sejarah lisan yang dilaksanakan akan menghadapi kesulitan dan menghasilkan sumber sejarah yang dapat di persoalkan kesahihannya kerana kejayaan atau kegagalan sesuatu projek sejarah lisan bergantung kepada perancangan yang dilakukan oleh sejarahwan. (Profesor. Dr. Sugeng Priyadi, M. Hum. Yogyakarta: Ombak, 2017). Menurut Abdul Syukur, Sejarah lisan sebenarnya telah lama dikenal oleh umat manusia di seluruh dunia kerana lisan adalah alat komunikasi utama yang digunakan untuk mewarisi pengetahuan masa lalu kepada generasi selanjutnya.

Kajian yang dijalankan oleh Muhammad Rahimi Hasan dan Bahiyah Abdul Hamid yang bertajuk “Pembangunan Kepimpinan Wanita: Membina Ilmu Watan bagi Kepimpinan Wanita Menerusi Kehidupan Tun Fatimah Hashim” pada tahun 2017. Melalui kajian yang dijalankan, Pengalaman peribadi pemimpin wanita bercampur gaul dalam konteks sejarahnya adalah lebih luas. Persekitaran ini mencorakkan keprihatinan kepimpinan. Pemimpin wanita terbentuk hasil pengalaman sejarah dan peribadi yang ditempuhi sepanjang kehidupan. Penekanan pengalaman peribadi dalam konteks sejarah luas menjadi dimensi penting untuk memahami kepimpinan wanita, sama ada "sejarah wanita" secara khusus ataupun "sejarah negara" secara am. Seterusnya, menurut kajian daripada Zuraiza Hj. Mt Husin. Di dalam artikel yang bertajuk “Keberkesanan Kepimpinan Pengurus Wanita Dari Perspektif Pekerja Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian, Kelantan. “. Kajian yang dijalankan oleh beliau bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan kepimpinan wanita dari perspektif pekerja, kebolehan wanita dalam menggunakan kemahiran 'survival' merupakan satu kekuatan yang menyumbang kepada keupayaan menawan persada organisasi daripada kawalan lelaki.

Kajian seterusnya daripada Rozita Ibrahim, Muhammad Rahimi Hasan & Bahiyah Abdul Hamid yang bertajuk “Takrif Kepimpinan, Ciri-Ciri Pemimpin dan Motivasi untuk Memimpin menurut Sudut Pandang Pemimpin Wanita Akar Umbi” pada tahun 2018. tujuan utama bagi kajian dilakukan adalah untuk mengerakkan aktiviti komuniti bagi tujuan peningkatan kesejahteraan penduduk. Penulis menggambarkan ciri-ciri pemimpin yang ideal dan menurut penulis definisi bagi kepimpinan adalah dengan pandangan mengenai aura atau karisma. Selain daripada itu juga sifat semulajadi berkaitan karisma, kemahiran individu pemimpin juga dikaitkan dengan takrifan kepimpinan. Misalnya, pemimpin dikatakan sebagai seorang yang berupaya berkomunikasi dengan baik dan menyampaikan maksud dengan jelas. Menurut penulis, Rozita Ibrahim. Beliau juga berpendapat bahawa terdapat tiga faktor untuk memupuk semangat motivasi dalam diri supaya mempunyai perasaan untuk memimpin iaitu pengaruh keluarga, sifat semulajadi, dan keinginan untuk membantu kaum wanita.

Seterusnya, menurut artikel “Kepimpinan Berkualiti: Perspektif mengenai Kompetensi yang Diperlukan untuk Memimpin dengan Berkesan” daripada Roselena Mansor dan Mohd Izham Mohd Hamzah pada tahun 2015 menunjukkan bahawa hanya pemimpin adalah penyumbang utama kepada

kecemerlangan organisasi. Hanya pemimpin yang kompeten dapat mengurus organisasinya dengan berkesan. Menerusi kajian ini mendapati bahawa terdapat lima kompetensi utama yang perlu ada pada pemimpin berkualiti iaitu berpengetahuan, berkemahiran, berkeperibadian positif, menyumbang kepada organisasi, dan kesanggupan memimpin. Hasil kajian ini memberi implikasi pada model kelayakan kepimpinan berkualiti.

Disamping itu, kajian yang dilakukan oleh Siti Khatijah, Fadzli Adam dan Siti Rokiah abd Rahman yang bertajuk “Karakter pemimpin politik dalam memperkasa kan ketamadunan Malaysia” pada tahun 2019. Di dalam artikel menerangkan bahawa ia menjadi keutamaan dalam melahirkan pemimpin rabbani yang progresif, cerdas, beriman, dan berakhlak serta ketinggian ilmu dalam membentuk sahsiah yang unggul dalam masyarakat. Ketamadunan yang gemilang merupakan hasil yang dicernakan oleh tingkah laku masyarakat itu sendiri dalam mencorak sesebuah tamadun yang baik serta bersih. Selain daripada itu, artikel bertajuk “Faktor Kepimpinan dan Gender dalam Penglibatan Politik Wanita di Malaysia” ditulis oleh Nor Rafidah Saidon, Sity Daud & Mohd Samsudin pada tahun 2017 menerangkan juga bahawa kaum wanita masih jauh ketinggalan berbanding kaum lelaki terutamanya dalam kepimpinan politik Malaysia. Penulis juga menjelaskan bahawa terdapat beberapa aktor yang sangat kuat mempengaruhi hubungkait antara kepimpinan dan gender iaitu budaya patriaki, diskriminasi, persepsi, agama, pendidikan dan sosialisasi.

Kajian yang berikutnya adalah yang bertajuk “Hubungan antara kepimpinan wanita dan disiplin kerja” daripada Retno Wulan dan istiana. Menerusi kajian yang dilakukan mendapati bahawa persepsi terhadap kepemimpinan wanita memberikan pengaruh terhadap disiplin kerja sangat besar. Kajian daripada Widya Agesna bertajuk “Kedudukan Pemimpin wanita dalam perpsektif islam” pada tahun 2018 menerangkan bahawa tiada ada masalah jika perempuan menjadi pemimpin negara. Kedudukan pemimpin perempuan dalam Islam sehingga mempunyai pros dan cons. Ada yang membolehkan perempuan menjadi pemimpin, sebaliknya ada juga yang tidak membolehkan.

## 7. METODOLOGI

Kaedah sejarah lisan adalah apabila seseorang yang bergelar tokoh menceritakan tentang pengalaman dan kenangan mereka sewaktu ketika dahulu yang dirakamkan di dalam satu temu ramah. Pemilihan tokoh biasanya berdasarkan kepada hasil jasa, budi, sumbangan dan kegiatan yang pernah mereka lakukan, seseorang yang dapat memberi maklumat tentang sejarah diri mereka sendiri yang pernah mengalami beberapa situasi atau seseorang yang pernah berhubung dengan orang yang mempunyai sejarah secara langsung di dalam peristiwa dan waktu tertentu.

Informasi atau maklumat yang diterima daripada temuramah tersebut akan ditulis semula dan tulisan itu seterusnya perlu disemak terlebih dahulu dan ditaip supaya ia boleh digunakan kembali sebagai bahan untuk pengajaran dan penyelidikan. Untuk sejarah lisan kali ini, tokoh ini dipilih melalui beberapa maklumat yang diperolehi semasa membuat beberapa pencarian di media sosial dan juga laman sesawang. Tokoh ini dipilih berdasarkan beberapa anugerah yang diterima oleh beliau dan pencapaian beliau selama menjadi doktor perubatan di luar dan dalam negara semenjak tahun 90an.

Wawancara ini diadakan di aplikasi zoom yang berdurasi selama 1 jam 57 saat yang mana beliau menceritakan tentang pengalaman sebagai seorang doktor perubatan di luar negara dan juga beliau bergiat aktif dalam memberi sumbangan kepada kemasyarakatan sehingga dinobatkan sebagai salah seorang tokoh wanita Kelantan. Paling utama, tokoh ini juga merupakan seorang pemimpin yang bukan sahaja bergiat aktif di dunia politik malah beliau juga seorang yang aktif dalam berorganisasi yang telah dibina oleh beliau sendiri dalam mengutamakan dan memberi kelebihan kepada kaum wanita.

Perancangan awal kajian ini adalah mengenalpasti tokoh bagi memastikan tokoh memenuhi kriteria yang dikehendaki. Seterusnya, proses pengumpulan sumber maklumat. Penyelidik akan mencari maklumat berkaitan tokoh menerusi laman sesawang yang sah dan benar sahaja seperti laman sosial media yang rasmi atau biodata Facebook tokoh itu sendiri. Hal ini bagi menjamin bahawa maklumat mengenai tokoh adalah fakta yang tepat dan terkini. Setelah itu, penyelidik akan memohon untuk menemu ramah tokoh dan apabila mendapat pengesahan, proses seterusnya akan di laksanakan iaitu proses menyediakan bahan temu ramah seperti soalan temu ramah dan menetapkan masa dan waktu temu ramah.

Teknik wawancara yang digunakan dalam penyelidikan adalah wawancara secara berstruktur. Penyelidik menggunakan struktur ini kerana ingin mendapat maklumat sepenuhnya daripada tokoh terlibat supaya maklumat ini dapat dijadikan sumber utama sesuatu penyelidikan. Lebih 100 soalan telah ditanya kepada tokoh. Perkara yang ingin dicapai melalui kajian ini adalah seperti kisah hidup beliau, pengalaman dan kejayaan beliau.

Soalan wawancara terbahagi kepada tiga bahagian iaitu merangkumi soalan berkenaan soalan asas, soalan umum dan soalan spesifik. Soalan asas adalah soalan-soalan yang berkaitan dengan biodata tokoh, latar belakang keluarga dan sejarah pendidikan beliau. Seterusnya soalan umum melibatkan pengalaman tokoh, pendapat atau pandangan tokoh mengenai sesuatu perkara. Manakala soalan spesifik berkaitan dengan tugas tokoh, peristiwa atau kenangan beliau.

## 8. HASIL KAJIAN

Hasil kajian ini dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian utama seperti berikut:

### 8.1 Latar belakang Tokoh

Dr. Hafidzah Mustakim merupakan anak kelahiran Pontian, Johor dan dibesarkan dalam sebuah keluarga yang menitik beratkan penghayatan agama dalam kehidupan. Beliau merupakan anak ke-4 daripada sepuluh orang adik beradik. Beliau mendirikan rumahtangga dengan jejak yang juga belajar di Australia yang berasal dari Kelantan, Sr. Rahimi Bin Samat dan dikurniakan lapan orang cahaya mata. Mereka menetap di Kelantan dan membuka sebuah klinik perubatan dengan nama Klinik Perdana Islah, Kota Bharu, Kelantan. Pada tahun 2023 Klinik Perdana Islah telah ditukarkan nama kepada Klinik Ikram di mana bukan sahaja Dr Hafidzah yang menjalankan operasi klinik ini, bahkan beliau telah dibantu oleh anakanda sulung mereka Dr. Khadijah untuk memajukan klinik yang sekarang ini menawarkan perkhidmatan 24 jam.

Pendidikan awal beliau adalah di Sekolah Kebangsaan Saint Agnes Kota Kinabalu, Sabah. Seterusnya Sekolah Menengah Sains Melaka sebelum beliau melanjutkan pengajian dalam bidang kedoktoran di Monash University, Victoria, Australia. Dr Hafidzah merupakan seorang pelajar yang bukan sahaja cemerlang dari segi pencapaian akademik bahkan juga aktif dalam kegiatan ko-kurikulum. Beliau sering mendapat kedudukan yang tinggi di dalam kelas dari segi pencapaian akademik, malah beliau aktif dalam bidang pidato, pengucapan awam, kepimpinan pelajar di peringkat sekolah dan universiti. Beliau pernah menjadi doktor pelatih di Western Hospital, Melbourne, Australia. Beliau juga mempunyai Diploma in Business Administration dari Melbourne College dan apabila kembali ke tanah air, beliau mengambil sijil pengajian Islam (*Islamic Studies*) di Universiti Malaya, Nilam Puri, Kelantan.

### *8.2 Pengalaman Tokoh*

Dr Hafidzah memulakan perjalanan menuntut ilmu di bumi Australia dalam kursus kedoktoran di bawah tajaan RISDA. Beliau seorang yang sentiasa bersikap terbuka dan bergaul dengan pelbagai bangsa seperti etnik dari Bosnia, Turki dan Vietnam yang menetap di Australia pada ketika itu. Selepas menamatkan pengajian di Monash University, beliau mendapat peluang bekerja di Western Hospital selama dua tahun. Pengalaman bekerja di sana adalah sesuatu yang amat berharga bagi beliau kerana berpeluang berkhidmat kepada para pesakit dari pelbagai bangsa. Pada pandangan beliau, terdapat dua asas utama untuk menjadi pekerja yang bagus iaitu kelayakan akademik yang sewajarnya dan kedua ialah sikap amanah dan integriti dalam menjalankan tugas. Cabaran yang agak besar kepada beliau pada masa itu ialah untuk mengimbangi masa dalam memenuhi tuntutan tugas sebagai seorang doctor dan juga tanggujawab sebagai seorang isteri dan ibu kepada tiga orang anak.

Beliau menggerakkan kegiatan keilmuan, kebajikan dan kekeluargaan Islam semasa berada di Australia. Beliau dikenali di kalangan mahasiswa Malaysia di Australia sebagai seorang yang amat suka membantu dan memberikan khidmat kebajikan. Jiwa kepemimpinannya sangat terserlah sejak zaman mahasiswa. Sekembaling ke Malaysia, Dr Hafidzah memulakan tugas di Hospital Kuala Lumpur yang menurut pandangan beliau adalah satu tugas yang agak mencabar kerana kekurangan doktor perubatan menjadikan para doktor yang bertugas perlu berkhidmat dalam tempoh yang panjang setiap minggu. Namun beliau sentiasa menjadikan tugas sebagai pegawai perubatan sebagai sesuatu yang menyeronokkan dan sentiasa bersemangat. Amalan membaca al-Quran setiap hari bersama keluarga serta istiqamah dalam amalan-amalan sunat yang lain seperti solat tahajud dan zikir al-Mathurat merupakan antara sumber kekuatan beliau dalam melaksanakan tugas harian. Beliau seterusnya berkhidmat di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) sebelum membuka klinik perubatannya sendiri.

### *8.3 Sumbangan Tokoh*

Dr Hafidzah telah dianugerahkan Tokoh Wanita Kelantan 2015 sebagai tanda pengiktirafan kerajaan negeri Kelantan kepada beliau atas penglibatannya dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Beliau bergerak aktif mulai tahun 1995 dalam menguruskan pusat pemulihan remaja puteri Radhah Sakinah. Pusat pemulihan ini memberikan sokongan moral dan fizikal kepada para remaja puteri yang terlibat dengan masalah gejala sosial. Selepas beberapa tahun, beliau mendapati usaha mereka memberi perawatan kepada remaja yang bermasalah ini tidak akan berjaya mewujudkan mesyarakat yang bermoral sekiranya langkah pencegahan tidak dibuat secara lebih meluas. Justeru itu, beliau mulai bergiat aktif menyampaikan sesi taklimat dan motivasi kepada pelajar-pelajar di beberapa buah sekolah atas tema “Anda Bijak, Jauhi Zina”. Para ibu bapa juga diperkasakan dengan ilmu keibubapaan melalui PIBG sekolah dan program di masjid-masjid bagi memastikan mereka dapat mengambil perhatian kepada perkembangan peribadi anak-anak.

Dr Hafidzah juga bergerak secara aktif dengan semangat yang sentiasa bugar dalam beberapa pertubuhan NGO. Diantaranya Pertubuhan IKRAM dan pernah menjawat jawatan sebagai Timbalan Ketua IKRAM Malaysia. Beliau juga terlibat dalam membantu kerajaan negeri Kelantan menggubal kertas polisi dan dasar yang berkaitan pembangunan wanita dan keluarga. Pada tahun 2018, beliau telah melibatkan diri dalam Majlis Perundingan Wanita Rahmah (MAWAR), di bawah kelolaan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). Beliau pernah dilantik sebagai pengerusi MAWAR dan pendekatan yang dibawa ialah atas dasar Islam itu agama yang membawa rahmat (Rahmatan lil ‘Alamin) bagi memperkasakan wanita demi kesejahteraan keluarga dan generasi akan datang.

Hasil kajian sebagaimana yang tercatat di atas menunjukkan kaum wanita juga telah banyak memberi jasa dengan kebolehan dan kelebihan yang mereka ada bagi pembangunan masyarakat.

Sebagai contoh Doktor Hafidzah Mustakim yang telah dinobatkan sebagai tokoh wanita Kelantan atas usaha beliau yang telah memberi banyak pengajaran kepada wanita di luar sana bahawa wanita juga mampu untuk memimpin dan juga mampu untuk memberi sumbangan kepada masyarakat. Oleh sebab itu, jasa dan peranan kaum wanita kepada masyarakat perlu dibanggakan terutama sekali dalam menentukan kebajikan golongan wanita agar sentiasa terjaga terutama sekali terhadap golongan ibu tunggal. Tuntasnya, kaum wanita juga memainkan peranan yang sangat besar bagi membantu barisan kepimpinan negara demi untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang maju dan bermoral.

## 9. KESIMPULAN

Negara kita telah melahirkan ramai wanita yang bergiat aktif di dalam pelbagai bidang yang mereka ceburi seperti bidang perubatan, ekonomi, pendidikan, pembangunan, kemahiran dalam bermasyarakat, kebudayaan dan juga kepimpinan. Dr Hafidzah merupakan salah seorang ikon aktivis masyarakat di Kelantan terutamanya berkaitan pembangunan wanita dan keluarga. Seorang doktor perubatan yang sentiasa peka dengan keperluan membangunkan generasi yang lebih baik di masa hadapan, berlandaskan ajaran agama yang sahih. Sejarah penglibatan beliau dalam kegiatan kebajikan dan kemasyarakatan menonjolkan peranan besar yang boleh dimainkan oleh kaum wanita bagi menyokong serta membantu para pemimpin lelaki ke arah kesejahteraan masyarakat. Semangat kecintaan beliau kepada ilmu pengetahuan juga boleh dijadikan sumber inspirasi kepada kaum wanita yang menunjukkan bahawa pentingnya ilmu pengetahuan untuk menjadikan seseorang pemimpin itu lebih berketrampilan dalam membuat keputusan dan melaksanakan sesuatu tugas atau program yang telah dirancang dengan lebih strategik.

Wanita yang memainkan pelbagai peranan sebagai seorang isteri, ibu, adik atau kakak juga terbukti mampu menjadi pemimpin masyarakat. Di samping itu, wanita juga mampu untuk mendidik generasi akan datang serta memberi kerjasama terhadap semua pihak sama ada di dalam keluarga, tempat kerja, jiran dan masyarakat setempat yang sangat penting dalam menjadikan wanita sebagai sumber utama dalam pembangunan negara yang maju.

## Rujukan

Atiq, Addin. "Utama." *Wanita Kelantan*, 15 Dec. 2020, [wanitakelantan.com/](http://wanitakelantan.com/).

"Dr Hafidzah Mustakim." Facebook, [www.facebook.com/drhafidzah/about/](https://www.facebook.com/drhafidzah/about/).

Hasan, Muhammad Rahimi, and Bahiyah Abdul Hamid. "Pembangunan Kepimpinan Wanita: Membina Ilmu Watan Bagi Kepimpinan Wanita Menerusi Kehidupan Tun Fatimah Hashim." *Kajian Malaysia*, vol. 35, no. 1, 2017, pp. 91–116., doi:10.21315/km2017.35.1.5.

Hamdani, Suhailiza. "Kepimpinan Dan Sumbangan Wanita Islam Dalam Politik Semasa." *Hikmah*, vol. 12, no. 2, 2019, p. 170., doi:10.24952/hik.v12i2.887.

Kepentingan Sejarah Lisan. (n.d.). Retrieved November 25, 2020, from <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/kepentingansejarahlisan.html>

Mansor, Roselena, and Mohd Izham Mohd Hamzah. "Kepimpinan Berkualiti: Perspektif Mengenai Kompetensi Yang Diperlukan Untuk Memimpin Dengan Berkesan." *Jurnal Pengurusan*, vol. 45, 2015, pp. 143–154., doi:10.17576/pengurusan-2015-45-13.

Melani, A. (2019, April 21). 5 Pemimpin Perempuan di Dunia yang Menginspirasi. Retrieved February 3, 2021, from [liputan6.com website: https://www.liputan6.com/bisnis/read/3946336/5-pemimpin-perempuan-di-dunia-yang-menginspirasi](https://www.liputan6.com/bisnis/read/3946336/5-pemimpin-perempuan-di-dunia-yang-menginspirasi)

Sejarah Lisan. (2021). Retrieved February 3, 2021, from [Www.ukm.my website: http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html](http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html)

Seow Han Lin. (2020, July 14). Sejauhmanakah Sejarah Lisan penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah? Retrieved February 3, 2021, from ResearchGate website:[https://www.researchgate.net/publication/342923894\\_Sejauhmanakah\\_Sejarah\\_Lisan\\_penting\\_dan\\_diperlukan\\_dalam\\_penyelidikan\\_dan\\_penulisan\\_sejarah](https://www.researchgate.net/publication/342923894_Sejauhmanakah_Sejarah_Lisan_penting_dan_diperlukan_dalam_penyelidikan_dan_penulisan_sejarah)

Syukur, A. (n.d.). Sejarah Lisan Orang Biasa: Sebuah Pengalaman Penelitian. Retrieved November 25, 2020, from [http://www.geocities.ws/konferensinasionalsejarah/abdulsyukur\\_sejarahlisan-makalah.pdf](http://www.geocities.ws/konferensinasionalsejarah/abdulsyukur_sejarahlisan-makalah.pdf)

“Takrif Kepimpinan, Ciri-Ciri Pemimpin Dan Motivasi Untuk Memimpin Menurut Sudut Pandang Pemimpin Wanita Akar Umbi.” *Malim: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara (Sea Journal Of General Studies)*, 2018, pp. 28–42., doi:10.17576/malim-2018-1901-03.